

12 JAN 2003

DAP-Pilihan raya (Bergambar)/I

DAP YAKIN P/RAYA UMUM DIADAKAN SEBELUM OKTOBER

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- DAP yakin kerajaan pemerintah, Barisan Nasional (BN), akan mengadakan pilihan raya lebih awal sebelum 31 Oktober dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai gabungan itu, kata setiausaha agung parti, Kerk Kim Hock.

Kerk berkata bertentangan dengan ramalan awal bahawa pilihan raya umum akan diadakan selepas persaraan Dr Mahathir pada Oktober, maklumat yang diperolehi DAP sejak kebelakangan ini menunjukkan bahawa pilihan raya itu akan diadakan sebelum tarikh persaraan Dr Mahathir.

"Kami banyak mendapat maklumat bahawa parti-parti komponen BN telah mula mengumpul maklumat di peringkat akar umbi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan ke-13 DAP di sini hari ini.

Kerk berkata demikian ketika diminta mengulas ucapannya pada majlis itu yang menyentuh mengenai spekulasi bahawa Perdana Menteri mungkin akan membubarkan Parlimen sebelum 31 Oktober ini.

Kerk dalam ucapannya berkata berdasarkan pertikaian dalaman dan antara parti komponen BN yang semakin meningkat, Dr Mahathir sendiri akan mengetuai pilihan raya sebelum bersara bagi memastikan BN menang besar.

Kerk memberitahu anggota parti supaya bersedia untuk menghadapi pilihan raya lebih awal, dengan berkata bahawa pilihan raya umum akan datang merupakan perjuangan paling sukar dalam sejarah politik DAP.

"Semua pemimpin dan anggota DAP mesti meletakkan kepentingan parti mengatasi segala-galanya selain bersatu-padu dan berdisiplin bagi menghadapi pilihan raya umum yang paling sukar ini.

"Malah, walaupun tanda-tanda yang tidak memihak serta kebimbangan lain, kami menyedari bahawa kami bersedia menghadapinya, yakin seperti sebelum ini." kata Kerk.

Mengenai rundingan dengan Parti Keadilan Nasional mengenai peruntukan kerusi bagi pilihan raya umum akan datang, Kerk berkata kedua-dua pihak belum memulakan rundingan itu.

"Kami sebenarnya masih menunggu mereka (Keadilan)...pada asasnya kami tidak menghadapi masalah dengan PAS memandangkan kami tidak mempunyai pertindihan kerusi dengan mereka tetapi hanya dengan Keadilan," katanya.

-- BERNAMA

AT AZZ LAT